



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 JAN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HAIWAN BERKELIARAN, PENTERNAK BOLEH DIDENDA RM5,000, NEGARA, KOSMO-14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	LUPUS IKAN PEMUSNAH EKOSISTEM JIKA JUMPA, NEGARA, KOSMO-17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	SILA SEGERA BUNUH IKAN INI JIKA TERJUMPA, UM-ONLINE	
4.	BUNUH SEGERA IKAN INVASIF JIKA JUMPA, KOSMO-ONLINE	
5.	PESAWAH RUGI PADI DITENGGELAMI AIR, DALAM NEGERI, UM-30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	50 PESAWAH MENGELUH SAWAH KERAP DITENGGELAMI AIR, NEGARA, KOSMO-12	
7.	90 PEKEBUN NANAS RUGI RM5.4 JUTA AKIBAT BANJIR, BH-ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8.	IKAN, SAYUR-SAYURAN MASIH MENCUKUPI, LOKAL, HM-4	LAIN-LAIN
9.	NELAYAN PERLIS RUGI RM1.4j SEBULAN, DALAM NEGERI, UM-6	
10.	DASAR LAUT ROSAK, BENIH IKAN MUSNAH, DALAM NEGERI, UM-6	
11.	MENANGIS TAK BERLAGU SAWAH 72 HEKTAR MUSNAH, HM-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Haiwan berkeliaran, penternak boleh didenda RM5,000



TINDAKAN membiarkan haiwan peliharaan berkeliaran di jalan raya boleh mengundang bahaya kepada orang ramai.

PUTRAJAYA – Pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalanan boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000 bagi setiap ekor oleh pihak berkuasa tempatan.

Amaran tersebut dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) susulan banyak aduan berkaitan isu berkenaan di daerah Pekan, Pahang bulan lalu.

Sebagai penyelesaian, agensi tersebut turut menguatkuasakan Enakmen Kawalan Kerbau dan Lembu 2001 di negeri berkenaan

bagi pencegahan elemen kacau ganggu dan keselamatan awam.

“Sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah pula, pesalah terbabit akan dihukum denda RM5,000,” jelas JPV menerusi satu hantaran yang dikongsi daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Sharim Md Zain.

Hantaran itu merujuk kepada hasil pertemuannya dengan Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Pekan, Fazila Hasan ekoran aduan penduduk mengenai ternakan yang bebas berkeliaran di kawasan berkenaan.

Isu tersebut hangat dipertutuskan ekoran kekerapan berlakunya kemalangan jalan raya terutamanya di sepanjang laluan besar akses ke Feida Chini.

Mengulas lanjut, Sharim menaiki sering terserempak dengan lembu yang masih meragut rumput di tepi jalan pada waktu malam khususnya ketika hujan.

“Tindakan terpaksa diambil JPV kerana masih ada pemilik yang degil dan tidak ikut peraturan ditetapkan sehingga membahayakan keselamatan orang ramai,” jelas beliau.



IKAN spesies *serrasalmus* dan *pygocentrus* memberi implikasi buruk kepada ekosistem sungai di negara ini.

Banyak ikan asing invasif terlepas selepas banjir

Lupus ikan pemusnah ekosistem jika jumpa

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Bencana banjir yang melanda beberapa negeri ketika ini menyaksikan ramai pemancing meraih ikan daripada spesies pemusnah yang dibawa arus dari kolam ternakan atau hulu sungai.

Spesies berkenaan merupakan ikan asing invasif yang amat berbahaya dan termasuk dalam senarai larangan diimport ke Malaysia kerana banyak implikasi buruknya.

Justeru, Jabatan Perikanan memohon orang ramai agar peka sekiranya tertangkap atau terjumpa ikan tersebut agar tidak menyimpannya atau dilepaskan ke perairan umum.

Sebaliknya, masyarakat diminta segera melupuskannya kerana adalah salah membela

ikan larangan di bawah Akta Perikanan 1985.

Jabatan itu dalam hantaran di Facebooknya semalam turut memuat naik infografik imej ikan berkenaan antaranya bawal merah atau pacu, salmon, trout, arapaima, sturgeon, flower horn, silver dollar, northern pike, dragon fish dan ikan buaya.

Tidak ketinggalan ialah enam jenis piranha dari baka *serrasalmus*, *serrasalmo*, *pygocentrus*, *catoprian*, *pygopristsis* dan *pristobrycon* serta udang galah dikenali *common yabby* atau *cherax*.

Mengulas lanjut, jabatan itu berkata, jika sabit kesalahan mengikut Peraturan Perikanan (Pindaan 2011), si pelakunya boleh didenda maksimum RM1,000 atau penjara sehingga enam tahun.

“Spesies akuatik asing berba-

haya merupakan isu global kerana merentas sempadan dan boleh mengakibatkan impak negatif kepada negara di peringkat serantau,” tegas agensi berkenaan.

Ikan ini berupaya memusnah dan mengubah ekosistem yang dicerobohnya sehingga menyebabkan kepupusan spesies tempatan serta menggugat jaminan keselamatan makanan domestik.

Ia boleh mengancam kemandirian sumber biodiversiti dan kos keruglan tinggi akibat berlaku kemerosotan sumber akuatik asli disebabkan kemasukan patogen eksotik oleh spesies asing.

Ikan luar invasif ujarnya, berpotensi menyebabkan kemudaratan ekosistem, kepelbagaian biologi asli, kesihatan ikan tempatan dan manusia sama ada secara langsung atau tidak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

SILA SEGERA BUNUH IKAN INI JIKA TERJUMPA



TANGKAP layar infografik Jabatan Perikanan Malaysia mengenai ikan asing invasif.

PUTRAJAYA: Bencana banjir yang melanda beberapa negeri pada ketika ini turut menyaksikan ramai pemancing meraih ikan tertentu dibawa arus dari kolam ternakan atau hulu sungai.

Bagaimanapun ada spesies berkenaan merupakan ikan asing invasif yang amat berbahaya dan termasuk dalam senarai larangan diimport ke Malaysia kerana banyak implikasi buruknya.

Justeru, Jabatan Perikanan Malaysia memohon orang ramai agar peka sekiranya tertangkap atau terjumpa ikan tersebut dengan tidak menyimpannya atau dilepaskan ke perairan umum, sebaliknya, masyarakat diminta segera melupuskannya kerana adalah salah membela ikan larangan di bawah Akta Perikanan 1985.

Jabatan itu dalam hantaran di Facebooknya turut memuat naik infografik imej ikan berkenaan antaranya bawal merah atau pacu, salmon, trout, arapaima, sturgeon, flower horn, silver dollar, northern pike, dragon fish dan ikan buaya.

Tidak ketinggalan ialah enam jenis piranha dari baka *Serrasalmus*, *Serrasalmo*, *Pygocentrus*, *Catoprian*, *Pygopristis* dan *Pristobrycon* serta udang galah dikenali *common yabby* atau *Cherax*.

Mengulas lanjut, jabatan itu berkata, jika sabit kesalahan mengikut Peraturan Perikanan (Pindaan 2011), si pelakunya boleh didenda maksimum RM1,000 atau penjara sehingga enam tahun.

“Spesies akuatik asing berbahaya merupakan isu global kerana merentas sempadan dan boleh mengakibatkan impak negatif kepada negara di peringkat serantau,” tegas agensi berkenaan.

Ikan itu berupaya memusnah dan mengubah ekosistem yang dicerobohnya sehingga menyebabkan kepupusan spesies tempatan serta menggugat jaminan keselamatan makanan domestik.

Ia mengancam kemandirian sumber biodiversiti dan kos kerugian tinggi akibat berlaku kemerosotan sumber akuatik asli disebabkan kemasukan patogen eksotik oleh spesies asing.

Ikan luar invasif jelasnya, berpotensi menyebabkan kemudaratan ekosistem, kepelbagaian biologi asli, kesihatan ikan tempatan dan manusia sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Malah tambah jabatan tersebut, apa-apa jenis ikan asing yang ingin dibawa masuk ke negara ini sebenarnya perlu mendapat kebenaran khas daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan difahamkan, ikan berkenaan sengaja dipelihara secara haram oleh penggemar hidupan marin kerana ia bukan pun haiwan semula jadi negara ini dan kemungkinan besar diseludup dari luar.

Bagaimanapun, mereka kemudian cuba melepaskan ikan asing itu ke kawasan tasik, sungai atau parit apabila tidak mahu lagi memelihara spesies itu atas faktor kos makanan yang mahal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2022	KOSMO	ONLINE	

BUNUH SEGERA IKAN INVASIF JIKA TERJUMPA

Oleh AMREE AHMAD

4 Januari 2022, 12:10 pm



PUTRAJAYA – Bencana banjir yang melanda beberapa negeri pada ketika ini turut menyaksikan ramai pemancing meraih ikan tertentu dibawa arus dari kolam ternakan atau hulu sungai.

Bagaimanapun ada spesies berkenaan merupakan ikan asing invasif yang amat berbahaya dan termasuk dalam senarai larangan diimport ke Malaysia kerana banyak implikasi buruknya.

Justeru, Jabatan Perikanan memohon orang ramai agar peka sekiranya tertangkap atau terjumpa ikan tersebut dengan tidak menyimpannya atau dilepaskan ke perairan umum.

Sebaliknya, menurutnya, masyarakat diminta segera melupuskannya kerana adalah salah membela ikan larangan di bawah Akta Perikanan 1985.

Jabatan itu dalam hantaran di Facebooknya hari ini turut memuat naik infografik imej ikan berkenaan antaranya bawal merah atau pacu, salmon, trout, arapaima, sturgeon, flower horn, silver dollar, northern pike, dragon fish dan ikan buaya.

Tidak ketinggalan ialah enam jenis piranha dari baka *Serrasalmus*, *Serrasalmo*, *Pygocentrus*, *Catoprian*, *Pygopristis* dan *Pristobrycon* serta udang galah dikenali *common yabby* atau *Cherax*.

Mengulas lanjut, jabatan itu berkata, jika sabit kesalahan mengikut Peraturan Perikanan (Pindaan 2011), si pelakunya boleh didenda maksimum RM1,000 atau penjara sehingga enam tahun.

“Spesies akuatik asing berbahaya merupakan isu global kerana merentas sempadan dan boleh mengakibatkan impak negatif kepada negara di peringkat serantau,” tegas agensi berkenaan.

Ikan ini berupaya memusnah dan mengubah ekosistem yang dicerobohnya sehingga menyebabkan kepupusan spesies tempatan serta menggugat jaminan keselamatan makanan domestik.

Ia bahkan mengancam kemandirian sumber biodiversiti dan kos kerugian tinggi akibat berlaku kemerosotan sumber akuatik asli disebabkan kemasukan patogen eksotik oleh spesies asing. – K!
ONLINE

5/1/2022

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Pesawah rugi padi ditenggelami air

Oleh **MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Seramai 50 pesawah di Mukim Tok Keling di sini mendakwa sering mengalami kerugian apabila sawah yang diusahakan ditenggelami banjir terutamanya selepas kerja-kerja menabur benih padi.

Antara kawasan yang berdepan masalah tersebut ialah Kampung Kelompong, Tok Keling dan Kandai di sini.

Pesawah terbabit mendakwa, masalah tersebut berlaku berikutan sistem pengairan di kawasan seluas 25 hektar itu tidak berfungsi dengan baik.

Menurut Mutalib Bashah, 70, dari Kampung Kelompong berkata, masalah tersebut didakwa berlarutan kira-kira 20 tahun lalu tanpa dapat diselesaikan oleh pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menurutnya, pesawah terlibat terpaksa beberapa kali menabur benih padi serta membajak selepas sawah mereka ditenggelami air terutamanya pada tanaman padi musim kedua.

Katanya, masalah itu didakwa berpunca dari pam air Lem-



ROSLI OTHMAN (kanan) dan **Mutalib Bashah** menunjukkan sawah mereka yang ditenggelami air di Kampung Tok Keling, Alor Setar, semalam. - **UTUSAN/MOHD. RIFAAT/ABDI HAMID**

baga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dari Mukim Alor Gunung terletak di kedudukan yang tinggi sehingga menyukarkan kerja mengempam air.

“Semasa kerja mengempam air dilakukan untuk kawasan sawah di Anak Bukit, pintu urama air di Ampang Jajar ditutup hingga air di kawasan Mukim Tok Keling ini melimpah kerana tidak dapat mengalir ke luar.

“Masalah tersebut menye-

babkan air bertakung di kawasan sawah yang lebih rendah,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mutalib memberitahu, masalah tersebut sudah dimaklumkan kepada pihak MADA sebelum ini, tetapi, tiada tindakan dilakukan hingga pesawah terpaksa menyewa kepada pesawah luar bagi mengelak kerugian.

Malah, tambahnya, masalah sistem pengairan itu juga menye-

babkan pokok padi yang sudah boleh dituai rebah kerana air melimpah masuk ke dalam sawah.

Rosli Othman, 51, pula berkata, kebanyakan kawasan sawah di kawasan itu rendah dan memerlukan pemantauan yang lebih daripada MADA.

Katanya, petani di sini tidak lagi boleh mengikut jadual tanaman padi yang ditetapkan oleh MADA kerana masalah pengairan tersebut.

50 pesawah mengeluh sawah kerap ditenggelami air

ALOR SETAR - Seramai 50 pesawah di Mukim Tok Keling di sini terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit selepas sebahagian sawah seluas kira-kira 25 hektar kerap ditenggelami air akibat limpahan daripada sistem perparitan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Antara kawasan sawah yang terjejas ialah di Kampung Kelompong, Tok Keling dan Kandai.

Pesawah, Mutalib Bashah, 70, dari Kampung Kelompong berkata, masalah yang didakwa berlaku sejak 20 tahun lalu itu menyebabkan pesawah terpaksa membajak dan menabur benih

berulang kali.

Ujarnya, masalah itu dipercayai berpunca daripada pam air MADA di Mukim Alor Gunung yang terletak di kedudukan tinggi sekali gus menyukarkan kerja mengepam air dilakukan.

"Semasa kerja mengepam air dilakukan untuk kawasan sawah di Anak Bukit, pintu utama air di Ampang Jajar ditutup dan ia seterusnya menyebabkan air di kawasan Mukim Tok Keling ini melimpah kerana tidak dapat mengalir keluar.

"Masalah itu menyebabkan kawasan sawah yang rendah dilimpahi air. Saliran air di sini

sepatutnya berfungsi sebagai parit buang air tetapi sebaliknya menjadi parit untuk menakung air pula," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Mutalib lagi, masalah sistem perparitan itu juga pernah menyebabkan pokok padi yang sudah boleh dituai rebah kerana air melimpah masuk ke dalam sawah.

"Saya ingin mencadangkan supaya MADA duduk serta berbincang bagi menyelesaikan masalah pesawah itu," ujarnya yang mengusahakan dua hektar sawah dan pernah mengalami kerugian sebanyak RM5,000.



MUTALIB (kiri) dan rakannya menunjukkan keadaan sawah miliknya di Kampung Tok Keling, Alor Setar semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

90 PEKEBUN NANAS RUGI RM5.4 JUTA AKIBAT BANJIR

JANUARI 4, 2022 @ 6:37PM



Sahrudin (kiri) dan Khairuzamri (kanan) meninjau kebun nanas diusahakan Nazaruddin yang terkesan banjir di Kampung Karak Setia hari ini. - Foto Bernama

BENTONG: Seramai 90 pekebun nanas di Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan mengalami kerugian dianggarkan bernilai RM5.4 juta selepas kawasan tanaman mereka seluas 49 hektar terjejas akibat banjir.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata pihaknya kini mengambil inisiatif turun padang dan melihat sendiri kemusnahan tanaman pekebun nanas bagi menyampaikan bantuan sewajarnya.

"Di Pahang, seramai 39 pekebun terjejas akibat banjir membabitkan kerugian dianggarkan berjumlah RM1 juta dan untuk hari ini, kita turun melihat kerosakan tanaman pekebun dalam usaha mengenal pasti jenis bantuan yang diperlukan mereka.

"Selain barangan keperluan asas, antara bantuan lain akan disalurkan menerusi Tabung Bencana LPNM ialah membabitkan input pertanian seperti racun kulat, benih, baja sebanyak RM2,500

perhektar dengan bantuan maksimum empat hektar," katanya selepas melawat rumah dan kebun nanas milik Nazaruddin Abdul Jalil di Kampung Karak Setia, di sini, hari ini yang terjejas akibat banjir pada pertengahan bulan lalu.

Hadir sama, Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh, Pengarah LPNM Pahang Muhammad Fauzan Mohd dan Ketua Komunikasi Korporat LPNM, Elmie Adha Ismail.

Mengulas lanjut, Sahrudin berkata, LPNM juga akan membantu pekebun nanas yang rumah terjejas banjir melalui bantuan asas menerusi program MAFI Prihatin iaitu produk makanan dan keperluan asas lain.

"LPNM akan sentiasa mengemas kini maklumat diterima berkenaan pekebun terjejas sama ada dari segi kebun, rumah atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, Nazaruddin, 49, berkata beliau berterima kasih kepada LPNM yang sudi menghulurkan bantuan dan berkunjung ke rumah serta kebunnya bagi melihat sendiri kerosakan dialami.

Bapa dua anak yang mengusahakan tanaman berkenaan sejak empat tahun lalu itu berkata, banjir mengakibatkan lebih 30 peratus daripada 0.40 hektar tanaman nanasnya rosak.

"Banyak bantuan saya terima dan paling terharu apabila LPNM berkunjung ke rumah dan ladang serta menyampaikan barangan diperlukan termasuk barangan makanan, tikar dan jet air.

"Selain itu, saya amat menghargai usaha mereka mahu membeli nanas varieti MD2 yang masih elok untuk dipasarkan bagi meringankan beban saya sekeluarga," katanya.— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2022	HARIAN METRO	LOKAL	4

MONSUN TIMUR LAUT

Ikan, sayur-sayuran masih mencukupi

Kota Bharu: Bekalan barangan keperluan harian seperti ikan dan sayur-sayuran masih mencukupi untuk menampung keperluan pengguna walaupun harganya tidak stabil berikutan peralihan Monsun Timur Laut.

Bagaimanapun, bekalan minyak masak paket mengalami kekurangan sejak lebih dua bulan lalu selain harga telur naik sehingga RM1 bagi setiap gred untuk kuantiti 30 biji sejak beberapa minggu lalu.

Peniaga ikan, Rokiah Sulaiman, 56, berkata, peralihan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh sedikit sebanyak menyebabkan harga ikan turun naik, namun setakat ini bekalan masih mencukupi dan ada kalanya terdapat lambakan ikan disebabkan kurang pembeli.

"Sejak tiga bulan lalu, beberapa jenis ikan dijual mengalami kenaikan harga iaitu ikan selang kini dijual pada harga RM12 sekilogram berbanding RM6 sekilogram sebelum ini dan



Setakat ini bekalannya masih mencukupi dan ada kalanya terdapat lambakan ikan disebabkan kurang pembeli"

Rokiah Sulaiman

ikan selar pula dijual pada harga RM22 sekilogram berbanding RM16 sekilogram sebelum ini.

"Ada sesetengah peniaga ikan terpaksa menggunakan ikan sejuk beku untuk dijual disebabkan kesukaran mendapat bekalan dan antaranya termasuklah ikan bawal dan ikan tongkol bagi memenuhi keperluan pembeli," katanya ketika ditemui di Pasar Wakaf Che Yeh, di sini, semalam.

Tinjauan di Pasar Wakaf Che Yeh mendapati barangan basah terutama ikan masih mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Hasil laut berkurangan kesan daripada aktiviti pencerobohan tangkap siput

Nelayan Perlis rugi RM1.4j sebulan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB dan
SYED AZLAN SAYID
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Kira-kira 1,000 nelayan terutama nelayan pesisir pantai di negeri ini merosot pendapatan sehingga RM1.4 juta sebulan atau RM70,000 sehari berikutan kekurangan hasil laut akibat pencerobohan nelayan luar yang menangkap siput secara tidak sah.

Dakwa nelayan terlibat, jika dahulu purata pendapatan mereka sekitar RM100 sehari namun kebelakangan ini mereka hanya mampu memperoleh sekitar RM30 dan pernah pulang dari laut dengan tangan kosong.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Perlis (Pelaris), Asri Jab, 48, berkata, rata-rata nelayan pesisir pantai di sini mengalami kemerosotan pendapatan lebih 50 peratus sejak aktiviti penangkapan siput semakin berleluasa.

Katanya, aktiviti itu sudah berlarutan sejak sekian lama dengan setahun dua kebelakangan ini dilihat aktif apabila anggaran 40 bot atau sampan dari luar melakukan tangkapan siput berkenaan secara haram.

"Meskipun tindakan sering diambil pihak berkuasa, masalah tersebut tidak pernah selesai sekali gus menjejaskan pendapatan nelayan di sini yang semakin tertekan sehingga ada yang terpaksa memberhentikan



KIRA-KIRA 1,000 nelayan pesisir pantai Perlis terjejas berikutan kekurangan hasil laut akibat pencerobohan nelayan luar yang menangkap siput secara tidak sah di perairan negeri itu. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

operasi.

"Pihak bertanggungjawab khususnya Jabatan Perikanan disarankan membuat kajian bagaimana langkah menangkap siput tanpa merosakkan ekosistem ini atau menetapkan zon-zon tertentu menangkap siput," katanya.

Seorang nelayan, Shaharim Senapi, 64, berkata, aktiviti menangkap siput itu selalunya dilakukan pada waktu air surut dan tidak mengira waktu sama ada malam atau awal pagi.

Ujarinya, sangkar yang digu-

nakan bagi menarik siput dari dasar laut itu memberi kesan kepada ekosistem laut dan kesannya mula dirasai apabila hasil semakin berkurangan.

"Jika dahulu nelayan mampu membawa hasil yang banyak namun sekarang sampai ada yang pulang dengan tangan kosong. Antara hasil laut yang semakin berkurangan adalah seperti ikan kembung, senangin, tenggiri, tengkerong, gelama, kebas, udang dan ketam.

"Dahulu selalu dapat 80 kilo-

gram ke atas dan sekarang sekilogram pun susah sekali gus menyebabkan nelayan terkesan," katanya yang sudah berpengalaman lebih 40 tahun sebagai nelayan.

Tambah Shaharim, nelayan luar khususnya dari Kedah termasuk Thailand yang menangkap siput di perairan negeri ini, lazimnya mendapat hasil antara 500 kilogram atau bertan-tan metrik sehari iaitu bergantung kepada saiz dan jenis bot digunakan.

"Jika sehari ada sekitar 40 bot

menangkap siput tersebut sudah lebih 20 tan metrik hasil diperoleh dengan nilai boleh mencecah RM50,000 sehari atau RM1.5 juta sebulan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Azmi Yahya, 54, pula berkata, jika dahulu pendapatan bersihnya sekitar RM100 sehari, namun kini hanya antara RM20 sehingga RM30 termasuk pernah pulang dengan tangan kosong.

"Saya sering keluar menangkap ikan pada waktu malam dan selalu nampak kelibat bot atau sampan luar ini menangkap siput. Kesan penangkapan siput sudah mula dirasai apabila hasil laut sudah semakin berkurangan," kata bapa kepada lima orang anak itu.

Seorang peraih ikan, Rozain Abd. Rashid, 53, berkata, keadaan itu juga menyebabkan hasil laut yang didaratkan di pelantar ikan berkurangan sekali gus menjejaskan peraih, peniaga termasuk pengguna yang terpaksa berdepan kenaikan harga ikan.

"Apabila tangkapan berkurangan, ia sekali gus meningkatkan harga hasil laut di pasaran akibat permintaan yang tinggi dan memberi kesan kepada pembeli terutamanya pengusaha restoran ikan bakar dan kedai makan," katanya.

Tambahnya, dia berharap kerajaan dan agensi berkaitan melihat isu ini dengan lebih serius serta mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut yang memberi impak negatif kepada banyak pihak.

Dasar laut rosak, benih ikan musnah

KANGAR: Penggunaan secara berleluasa pukat tunda dan peralatan tangkapan lain termasuk sangkar menangkap siput khususnya di perairan negeri ini boleh merosakkan dasar laut sekali gus menyebabkan benih ikan belum matang musnah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pensyarah kanan Teknologi Marin Lestari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis, Rosnani Nazri berkata, kawasan dasar laut sememangnya mempunyai banyak benih ikan.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab perlu membuat pemantauan terhadap bot-bot nelayan yang menggunakan pukat



ROSNANI NAZRI

tunda dan peralatan tangkapan lain yang memusnahkan benih ikan dan siput di perairan negeri ini selain Kedah dan Perak yang merupakan sumber perikanan. "Penggunaan pukat tunda

akan menggondol habis kawasan dasar dan mengakibatkan kemusnahan tempat semula jadi pembiakan hidupan laut.

"Faktor lain adalah seperti projek pengorekan dan penambakan laut, pencemaran dan kemusnahan hutan paya bakau merupakan ancaman yang menyumbang kepada masalah keupayaan sumber perikanan di perairan negara ini," katanya.

Tindakan menangkap siput secara haram boleh menyebabkan habitat ekosistem marin terjejas dalam jangka masa panjang, mengancam pembiakan, memusnahkan benih-benih ikan di dasar laut serta turut

menjejaskan sumber pendapatan nelayan pesisir pantai.

Aktiviti penangkapan siput di perairan Kuala Perlis merupakan satu kesalahan kerana Jabatan Perikanan tidak mengeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti penangkapan siput tersebut.

Mengulas lanjut, Rosnani berkata, pukat tunda boleh memrangkap dan membunuh lebih 60 peratus hidupan laut termasuk spesies anak ikan berkualiti tinggi seperti jenahak, merah, kerisi, bawal, gelama, kerapu termasuk anak sotong dan ketam serta ikan kembung.

Katanya, pihak bertanggungjawab perlu menghadkan lesen

pukat tunda dan kawal selia bot sedia ada lesen supaya sumber laut dapat dikendalikan dan mengelak penangkapan secara berlebihan.

"Selain itu, kurangkan tangkapan sampingan spesies marin lain yang ditangkap secara tidak sengaja dan akhirnya Berlebihan dijadikan ikan baja.

"Tangkapan ikan baja yang belum mencapai saiz matang ini boleh menjejaskan stok bekalan ikan pada masa hadapan.

"Penguatkuasaan perlu sentiasa diadakan bagi mengelakkan pukat tunda memasuki zon larangan yang menjejaskan hasil tangkapan nelayan kecil," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

MENANGIS TAK BERLAGU SAWAH 72 HEKTAR MUSNAH



Mohamed Shafrick menunjukkan pokok padi yang musnah akibat banjir di sawah mereka di Kampung Sungai Siput, Lubok Cina dekat Masjid Tanah. FOTO Hassan Omar

Masjid Tanah: Projek Periuk Nasi Selatan bertujuan menghasilkan padi hibrid berkualiti tinggi di Kampung Sungai Siput, Lubok Cina di sini, musnah akibat banjir.

Tanaman padi di sawah seluas 72 hektar (kira-kira 180 ekar) yang mula diusahakan Probumi Plantation Sdn Bhd pada Ogos lalu, dijangka mula dituai Sabtu lalu namun musnah akibat banjir pada hari berkenaan.

Ia adalah banjir kali kedua selepas banjir besar berlaku pada 18 Disember lalu yang menyebabkan kemusnahan pokok padi sudah masak dan hanya menunggu masa untuk dituai.

Pemilik syarikat itu, Datuk Abdul Karim Yahya, 60, berkata, dia dan dua rakan kongsinya, Mohamed Shafrick Yusof, 48, dan Md Fadzil Mohamad, 52, terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM750,000 selepas keseluruhan sawah dinaiki air setinggi 1.3 meter pada 18 Disember 2021 sebelum bencana sama berulang pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, mereka mengaplikasikan penggunaan benih padi hibrid F1 HS-98 berasal dari China yang dibangunkan melalui kerjasama syarikatnya dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan benih padi inbrid MR220 CL2.

"Benih padi F1 HS-98 kami tanam di kawasan seluas 16 hekar (kira-kira 40 hektar) manakala baki 56 hektar (140 ekar) kami tanam dengan benih padi MR220 CL2.

"Benih F1 HS-98 mampu menghasilkan antara 10 hingga 12 tan metrik padi sehektar berbanding empat tan sehektar dengan menggunakan benih padi konvensional," katanya ketika ditemui di kampung itu, tadi.

Beliau berkata, benih MR220 CL2 mampu menghasilkan antara lima hingga 5.5 tan padi sehektar.

Abdul Karim terbabit dalam penyelidikan benih dan penanaman padi hibrid di sawah seluas beratus hektar di Kepala Batas, Pulau Pinang manakala dua rakan kongsinya adalah pengimport dan pengedar baja organik berasaskan arang batu dari Amerika Syarikat (AS).

Mereka mengambil alih penanaman padi di Kampung Sungai Siput daripada pengusaha padi bukan Bumiputera yang memajak keseluruhan 72 hektar sawah daripada penduduk kampung pada pertengahan tahun lalu, sebelum memulakan projek pada Ogos 2021.

Beliau berkata, projek itu bertujuan menghasilkan padi hibrid berkualiti tinggi kerana mengandungi karbohidrat lebih rendah berbanding padi konvensional di wilayah selatan Semenanjung, membabitkan Melaka dan Johor.

Mohamed Shafrick, pemilik syarikat pengimport dan pengedar baja organik yang beribu pejabat di Ayer Hitam, Johor berkata, banjir besar menyebabkan mereka tidak mampu berbuat apa-apa.

"Luluh hati kami apabila menyaksikan padi yang kami tanam dengan bantuan beberapa pekerja yang sudah sedia untuk dituai, tiba-tiba musnah akibat banjir pada 18 Disember lalu dan diburukkan lagi dengan banjir pada Sabtu lalu.

"Namun, kami reda kerana ujian Allah SWT menimpa semua orang dan kami meminta kerajaan negeri Melaka, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membantu kami memulakan semula projek ini," katanya.

Md Fadzil berkata, kedua-dua jenis benih padi itu dipilih bertujuan mengurangkan padi angin, iaitu pokok padi yang berbuah tetapi tiada mengandungi padi.

Katanya, baja yang diimport itu dihasilkan daripada 'humic acid', iaitu arang batu yang digali dari dalam bumi di AS sebelum diproses menjadi baja berkualiti tinggi.